

07/07/2001

Kevin Lim minta jasa PM

PENGELUAR bola takraw jenama tempatan, Gajah Emas akan meminta jasa baik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad campur tangan bagi menangani isu bola rasmi sepak takraw Sukan Sea, sebagai jalan penyelesaian terakhir masalah berkenaan.

"Semalam (kelmarin) kami merayu menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, segera campur tangan. Kalau itu tidak berkesan, kami tiada pilihan selain minta bantuan Perdana Menteri untuk mengatasi masalah ini.

"Tahun lalu kami pernah menghantar surat minta Perdana Menteri mengatasi masalah ini. Saya difahamkan beliau pernah bertanyakan kepada seseorang ketika di Pulau Langkawi, sama ada masalah ini sudah selesai atau belum.

"Bagaimanapun, saya tidak pasti kenapa perkara ini masih berpanjangan," kata Pengarah Gajatakraw Industries Sdn Bhd, Kevin Lim, ketika dihubungi di Sungai Petani, semalam.

Semalam, dia meminta Hishammuddin segera campur tangan bagi menyelesaikan permasalahan yang disifatkan sebagai 'menggadaikan maruah negara'.

Lim dilaporkan berkata hanya itu jalan penyelesaian paling berkesan selepas Majlis Olimpik Malaysia (MOM) sama sekali gagal menangani isu berkenaan dengan bijak.

Setakat ini, Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf) menetapkan jenama Marathon, bola buatan Thailand sebagai bola rasmi sepak takraw pada Sukan Sea.

Istaf dalam laporannya memberi alasan kononnya jenama Marathon sudah mendapat pengiktirafan antarabangsa, sedangkan Gajah Emas masih dalam kajian untuk disahkan produk terbaik.

(END)